



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **PERTANDINGAN LIGA REMAJA KREATIF 2014 KETENGAH KATEGORI BAHARU**

**CYBERJAYA: 28 Mei 2014** --- Pertandingan mencipta kandungan dalam talian untuk pelajar sekolah menengah yang dikenali sebagai Liga Remaja Kreatif (LRK) kini kembali untuk kali ke-4. Pertandingan anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Telekom Malaysia (TM) dan Media Prima Digital (MPD) amat dinanti-nantikan oleh pelajar sekolah menengah yang berbakat dalam bidang kandungan kreatif.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia yang juga warganegara Malaysia mulai dari 28 Mei 2014 sehingga 4 Julai 2014. Setiap penyertaan mestilah dilakukan secara berkumpulan yang terdiri daripada empat orang pelajar. Hasil karya asli mestilah yang belum pernah dihantar ke mana-mana pertandingan lain dan mestilah dihasilkan di dalam Bahasa Malaysia.

Tema untuk pertandingan LRK pada tahun ini adalah “Jalur Lebar Untuk Pendidikan” dan ianya dibahagikan kepada tiga kategori iaitu video, dan dua kategori baharu iaitu aplikasi mudah alih (app) dan portal internet.

Pertandingan LRK 2014 ini merupakan susulan kepada kejayaan MCMC dalam menganjurkan Pertandingan LRK 2013 yang telah mendapat sambutan yang amat baik daripada sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Melalui pertandingan tahun lalu para pelajar berjaya mempamerkan kreativiti mereka dengan menghasilkan video pendek yang memerlukan mereka mendalami kemahiran IT dan Multimedia.

Hadiah pertandingan kali ini termasuk wang tunai berjumlah RM224,000 berserta iPhone dan kamera digital. Pemenang juga akan membawa pulang piala dan sijil penyertaan serta berpeluang untuk menyertai Kem Pembangunan Remaja Kreatif, di mana mereka berpeluang untuk mendapat tunjuk ajar daripada pakar-pakar dalam industri pembikinan kandungan kreatif dalam talian.

Mereka yang berminat untuk menyertai pertandingan ini, boleh melayari laman sesawang LRK 2014 di <http://lrk.mcmc.gov.my> untuk mengetahui syarat-syarat pertandingan dan maklumat lanjut mengenai pertandingan tersebut.

Tamat



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**For Immediate Release**

### **LEAGUE OF CREATIVE TEENS 2014 COMPETITION BRINGS FORTH NEW CATEGORY**

**CYBERJAYA: 28 May 2014** --- A competition for high school students to create online content known as the Liga Remaja Kreatif or LRK (League of Creative Teens) is back for its fourth year. The competition organized by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) in partnership with the Ministry of Education Malaysia, Radio Television Malaysia (RTM), Telekom Malaysia and Media Prima Digital (MPD) is very much anticipated by high school students with talents in the creative content area.

Similar to previous years, the competition is open to all high school students from all over Malaysia who are Malaysian citizens beginning 28 May 2014 until 4 July 2014. Entrants must be in groups of four. Each entry must be an original work that has never been sent to any other competition and must be produced in Bahasa Malaysia.

The theme for the LRK 2014 is “Broadband for Education” and it is divided into three categories which are; video, mobile application (app) and web portal.

The LRK 2014 competition is a follow up to MCMC’s success in organizing the LRK 2013 that gained positive response from high schools from all over Malaysia. Last year’s competition saw the students showcased their creativity in the form of short videos which required them to sharpen their IT and multimedia skills.

Prizes for this year’s competition include a total of RM224,000 cash, iPhones and digital cameras. The winner will also receive a trophy and a certificate of participation and be in the running to



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

join the Creative Teens Development Camp, where they will stand a chance to learn from experts in the online creative content development industry.

Those interested in participating for this competition can visit the LRK 2014 website at <http://lrk.mcmc.gov.my> to find out more on the competition's terms and condition and further information on the competition.

End

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [cccd@cmc.gov.my](mailto:cccd@cmc.gov.my)